

16 NOV 1998

APEC-BERITA-HOWARD/I

MERUJUK EVSL KEPADA WTO TIDAK DAPAT DIELAKKAN, KATA HOWARD

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Australia John Howard berkata hari ini bahawa keputusan Apec untuk merujuk skim liberalisasi awal perdagangan bagi sembilan sektor utama kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tidak dapat dielakkan.

"Tiada siapapun harus merasa kecewa bahawa ia perlu dirujuk kepada WTO. Memandangkan apa yang telah terjadi di rantau ini, ia tidak dapat dielakkan," katanya pada satu sidang akhbar selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehari sebelum sidang kemuncak Apec.

Tetapi beliau menyatakan bahawa beliau "lebih suka" jika perisytiharan sidang kemuncak Vancouver mengenai Liberalisasi Awal Secara Sukarela Mengikut Sektor (EVSL) dipatuhi.

"Dalam segi itu ia (merujuk EVSL kepada WTO) merupakan keputusan kedua terbaik," tegas Howard.

Menjawab satu soalan, beliau berkata: "Satu daripada perkara terbaik hasil daripada mesyuarat ini (sidang kemuncak Apec) ialah penekanan baru ke atas pentadbiran ekonomi dan kewangan."

Sembilan sektor yang dikenal pasti bagi pelonggaran dipercepatkan ialah barang permainan kanak-kanak, perjanjian pengiktirafan bersama telekomunikasi, perikanan, perhutanan, permata dan barang kemas, kelengkapan dan peralatan perubatan, barangan dan perkhidmatan alam sekitar, tenaga dan kimia.

Kerajaan Australia mengumumkan dalam satu kenyataan bahawa ia bercadang untuk membelanjakan A\$50 juta bagi membantu tujuh negara Apec meningkatkan pengurusan ekonomi dan kewangan mereka dalam tiga tahun akan datang.

Katanya pakej bantuan ini akan ditumpukan kepada China, Indonesia, Thailand, Filipina, Vietnam, Korea Selatan dan Papua New Guinea.

"Tujuannya ialah bagi membantu negara-negara yang terjejas mengukuhkan pentadbiran ekonomi dan sekaligus membantu mengembalikan keyakinan antarabangsa dan menggalakkan pemulihan ekonomi," jelasnya.

Howard berkata satu daripada masalah dalam beberapa ekonomi Apec ialah ketidakcukupan prasarana kerajaan, undang-undang kebangkrapan, pengelolaan kawal selia dan peraturan kewangan.

Mengenai kawalan pertukaran berpilih yang dikenakan oleh Malaysia, beliau berkata: "Banyak ekonomi di rantau ini, termasuk Malaysia, telah menderita sejak 12 hingga 18 bulan lalu lebih daripada sepatutnya."

-- BERNAMA

AD KY OS